

Najib pertahan kerajaan Malaysia tidak "rasis"
Malaysian Insider
Sept 28 , 2013
Oleh Md Izwan

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menegaskan bahawa kerajaan Barisan Nasional (BN) yang dipimpinnya tidak "rasis" serta mempertahankan pengagihan ekonomi kepada Bumiputera yang diumumkan baru-baru ini tidak meminggirkan kaum lain.

Dalam sesi temubual oleh personaliti CNN, Fareed Zakaria di New York, Perdana Menteri berkata, pentadbirannya tidak pernah meminggirkan sesiapa dan tidak pernah membela mana-mana ekstremis.

"Kita tidak pinggirkan sesiapa, tidak pula benarkan suara-suara ekstremis, rasis dan taksub tenggelamkan suara kesederhanaan," katanya yang dipetik daripada Utusan Malaysia hari ini.

Najib berkata, kerajaan Malaysia sama seperti negara lain mempunyai satu hasrat iaitu untuk melihat keamanan, kesejahteraan dan keharmonian dikecapi menerusi konsep kesederhanaan.

Kenyataan Najib bagaimanapun dilihat bertentangan dengan langkah yang diambilnya baru-baru ini apabila memperkenalkan pengagihan ekonomi berasaskan kaum yang dikenali sebagai langkah "pemeriksaan ekonomi Bumiputera".

"Kita (Malaysia) tidak mampu menghadapinya dan ini juga bukan politik yang bagus," katanya ketika menjawab soalan Fareed mengenai dasar afirmatifnya yang diumumkan baru-baru ini.

Najib dalam pengumuman pemeriksaan ekonomi Bumiputera memperkenalkan lima langkah bagi memperkasa ekonomi Bumiputera yang wajar berikutan pegangan ekuiti korporat masih belum mencapai 30 peratus dan golongan tersebut kini masih dalam tempoh transformasi sejak empat dekad lalu.

Namun, penganalisis mengkritik langkah diumumkan Najib tersebut yang dilihat tidak akan memberi impak besar dan lebih bertujuan memberikan hadiah kepada kumpulan tersebut yang membantu BN dalam memberikan kemenangan pada Pilihan Raya Umum ke-13 lalu.

Penganalisis ekonomi terkenal, Professor Emeritus Datuk Dr Mohamed Ariff, berkata bantuan kewangan berasaskan kaum dan rancangan memperkasa Bumiputera akan tersasar matlamatnya seperti polisi terdahulu dan kaum Melayu akan lebih mendapat manfaat jika kerajaan memberinya kepada kumpulan miskin.

"DEB (Dasar Ekonomi Baru) lama digunakan dan kerajaan sewajarnya bergerak dengan dasar yang lebih berkesan daripada berasaskan kaum kepada yang lebih memerlukan.

"Peralihan dasar akhirnya akan memberi manfaat kepada orang Melayu kerana ia membentuk sebahagian besar 40 peratus daripada isi rumah golongan berpendapatan rendah," katanya.

Dalam forum anjuran Council of Foreign Relations (CFR) yang dihadiri kira-kira 200 orang itu, Najib mengulangi pendiriannya mengenai agenda pemeriksaan Bumiputera tersebut

sebagai turut sama akan memberi manfaat kepada bukan Bumiputera.

"Melalui tindakan afirmatif, didapati pendapatan bukan Bumiputera meningkat lebih cepat," katanya.

Pengkritik melihat pelan baru Najib tersebut bukan untuk membantu golongan Bumiputera sebaliknya lebih digunakan untuk membantu kroni mereka dalam Umno sahaja.

DEB diperkenalkan pada 1971 oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein bertujuan mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional, kemudiaan digantikan dengan Model Ekonomi Baru (MEB) yang lebih ke arah meritokrasi di samping mengekalkan keistimewaan ekonomi kepada Melayu yang menjadi asas utama dalam dasar DEB.

Pelaksanaan DEB bagaimanapun dilihat gagal untuk menaikkan taraf ekonomi kaum Melayu, malah sasaran untuk mencapai 30 peratus ekuiti juga masih tidak tercapai sejak ia dilaksanakan dan kegagalan tersebut dikaitkan dengan masalah rasuah. - 28 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-pertahan-kerajaan-malaysia-tidak-rasis>